

20/02/1997

Umno Perak banyak sumbangan

IPOH, Rabu - Sejarah perjuangan Umno tidak dapat dipisahkan dengan Umno Perak kerana kedua-duanya saling berkaitan ketika penubuhan awal parti itu lebih 50 tahun lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata Umno Perak memberi banyak sumbangan kepada Umno Pusat termasuk menonjolkan beberapa pemimpin negeri seperti Datuk Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab sebagai Setiausaha Agung Umno yang pertama, selain pemimpin lain.

Malah, katanya, Perikatan Melayu Perak yang ditubuhkan pada 27 Januari 1946 dipercayai antara pertubuhan siasah Melayu pertama di negara ini sebelum era merdeka.

"Lantaran itu, sejarah dan bahan sejarah sangat penting kepada negara ini untuk dihayati generasi muda bagi menggambarkan keadaan masyarakat kita dan sumbangan Umno dari dulu sehingga sekarang.

"Malah, pembangunan yang kita nikmati sekarang adalah hasil semangat perjuangan, toleransi dan sikap terbuka Umno selama ini," katanya ketika merasmikan Pameran Koleksi Gambar Perjuangan Umno 50 Tahun di ruang legar kompleks Super Kinta di sini, hari ini.

Lapan puluh gambar perjuangan pemimpin Umno dari 1946 hingga 1996 dipamerkan sepanjang lima hari, mulai hari ini. Ia anjuran New Straits Times (NST), Umno Perak, Super Kinta Departmental Stores dan Fuji Colour.

Hadir sama Pengarang Kumpulan NST, Datuk A Kadir Jasin; isteri Ramli, Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah dan Pengarah Super Kinta, Tan Yoke Wa.

Pameran pertama sempena ulang tahun Umno ke-50 itu diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Oktober lalu serta dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ini diikuti di Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Pahang dan Johor sebelum diadakan di Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Sabah.

Menurut Ramli, antara peristiwa penting Umno di Perak ialah perubahan slogan parti dari Hidup Melayu kepada Merdeka, reka bentuk bendera Umno dan penetapan yuran keahlian RM1 seorang.

Sementara itu, Kadir berkata, pemimpin politik perlu mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap mereka kerana jika rakyat berasa kepemimpinan politik tidak lagi boleh diyakini dan dicontohi, minat mereka terhadap politik atau mengundi dalam pilihan raya umum akan lenyap.

Berikutan itu, katanya, pameran seperti itu yang menonjolkan semangat perjuangan dan kegigihan pemimpin terdahulu selain menunjukkan Umno adalah parti akar umbi penting diteladani, dicontohi dan dijadikan iktibar oleh generasi muda.

(END)